



CHRIS (tengah) dan Terry (dua kanan) menyertai aktiviti pelajar di Pantai Tanjung Aru.



ROSELINA (kiri), KY Mustafa (tengah) dan Wan Mohd Azealan.

Rekreasi tingkat motivasi, pencapaian akademik

Oleh HENRY BATING
hbating@gmail.com
46 13-01-2012 31

REKREASI hujung minggu bertemakan 'Bagai Aur Dengan Tebing' berjaya menyerlahkan motivasi istimewa kepada kalangan pelajar antarabangsa UMS Link Pusat Pembangunan Profesional anak syarikat milik penuh UMS Link Holdings Sdn Bhd.

Sekumpulan 136 pelajar itu yang mendaftar bagi kemasukan September 2011 mengadakan aktiviti bersama sebelum menamatkan Tahap I dari dua tahap, program enam bulan persediaan sebelum mengkhusus dalam sesuatu bidang pengajian di Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Kalangan pelajar yang rata-rata dari China bersama seorang pelajar dari Turki dan dua orang dari Korea Selatan itu telah menampilkan semangat bekerja bersama dan merealisasikan motivasi bersama.

Sempena hari pelajar menjelang Krismas di Pantai Tanjung Aru Kedua itu, organisasi pelajar yang diketuai Chris Zhang Chu Jie telah menyusun pelbagai aktiviti yang mampu mewujudkan interaksi.

Acara tarik tali telah memberikan cabaran tersendiri bagi menguji sejauh mana para peserta mampu menggabungkan kekuatan bersama. Acara kerusi berirama di samping menyerlahkan rasa lucu, tawa dan geram juga menunjukkan betapa setiap orang memiliki untung dan nasib yang tersendiri.

Acara lumba tutup mata telah menguji sejauh mana tajamnya deria untuk bergerak ke hala tujuan dalam keadaan tanpa pandangan. Mini triathlon dan bola sepak pantai telah membuka saingan kemahiran ala profesional manakala sandwich belon berjaya

"Saya seronok bersama kawan-kawan dan juga pensyarah serta kakitangan pengurusan UMS Link untuk menjayakan program ini. Aktiviti ini sungguh menakjubkan, saya melihat aktiviti ini dapat membantu kami mencapai prestasi yang lebih baik dalam akademik."

CHRIS ZHANG CHU JIE,
Pelajar

menambah riang semua pelajar sehingga aktiviti berakhir 4.00 petang. Lima aktiviti yang dijalankan sepanjang hari bermula 9.00 pagi cukup memadatkan aktiviti pelajar yang terbahagi ke dalam beberapa kumpulan.

Chris, ketika ditanya, menyatakan dia baru dua bulan tinggal di Sabah. "Saya mendapati interaksi seperti ini sangat berguna. Saya ingin merasakan lebih banyak lagi interaksi seperti ini."

"Saya seronok bersama kawan-kawan dan juga pensyarah serta kakitangan pengurusan UMS Link untuk menjayakan program ini. Aktiviti ini sungguh menakjubkan, saya melihat aktiviti ini dapat membantu kami mencapai prestasi yang lebih baik dalam akademik," katanya.

Abdurrahman Burak dari Turki pula mengatakan aktiviti itu sangat menyeronokkan dan mampu



AKSI peserta dalam acara tarik tali.

memberikan motivasi bagi menghadapi kertas ujian.

"Aktiviti ini sangat bersesuaian kepada pelajar bagi membuka ruang kepada kami berinteraksi antara satu sama lain. Interaksi melalui rekreasi juga dapat

dapat diperbanyakkan lagi kerana tanggungjawab yang diberikan dalam mengendalikan program ini dapat melatih kami memperlihatkan komitmen dan daya usaha. Interaksi secara

itu juga dijalankan sebagai ruang kepada pelajar untuk melatih diri menggerakkan organisasi.

Turut hadir Pengerusi Kumpulan UMS Link Holdings Sdn Bhd, Datuk KY Mustafa, Pengarah UMS Link, Prof Dr Roselina Ahmad Saufi, Pengurus Sektor Pendidikan dan Latihan, UMS Link Holdings Sdn Bhd, Rizal Malik dan Pengurus Kewangan Korporat, UMS Link Holdings Sdn Bhd, Wan Mohd Azealan Adnan.

UMS Link Pusat Pembangunan Profesional (UCPD) yang terletak di Alamesra Plaza Utama, Jalan UMS Kota Kinabalu adalah sebuah Pusat Pendidikan dan Latihan yang ditubuhkan untuk mengendalikan program latihan dan pembangunan kepada badan-badan kerajaan, sektor swasta dan individu yang berminat.

UCPD yang terletak di bawah pengurusan UMS Link Holdings (ULink) iaitu sebuah syarikat milik penuh UMS memiliki pentauliahan dari Jabatan Pembangunan Kemahiran Malaysia (JPK) dan Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) dan telah mengadakan pelbagai kerjasama dalam bidang pendidikan dengan Malaysian Financial Planner Council, The International Centre for Education in Islamic Finance (INCEIF) dan The Institute of Hospitality Management Ireland (IHMI).

Setakat ini, UCPD menawarkan pelbagai program latihan dan pembangunan melibatkan Program Asas Pelajar Antarabangsa (ISFP), Diploma penuh, Diploma Eksekutif, sijil-sijil profesional, latihan atau kursus jangka pendek, program kerjasama diploma dan kursus bahasa antarabangsa.

Antara program yang dikendalikan oleh UCPD yang paling mendapat sambutan adalah Program ISFP. Ia merupakan sebuah program fondasi yang dirangka khusus untuk pelajar antarabangsa yang akan melanjutkan pengajian di peringkat Ijazah Sarjana Muda dan Sarjana di UMS.



AKSI interaksi merembes kerusi pelajar dan pensyarah.



PELAJAR dan kakitangan UMS Link menyediakan makanan bakar di tepi pantai.

meningkatkan lagi jalinan kerjasama antara pelajar dalam usaha bersama menjayakan program. Aktiviti seumpama ini dapat memperkukuhkan lagi semangat bantu-membantu yang sudah terjalin di kalangan pelajar dalam bilik kuliah," katanya.

Manakala seorang lagi pelajar dari China, Terry Zhu Le berkata aktiviti itu sangat berjaya dan telah memberikan suasana baru kepada pelajar.

"Ini disebabkan pada hujung minggu lain sebelum ini, pelajar menjalankan kegiatan masing-masing. Sebaiknya, aktiviti seumpama ini

terbuka yang melibatkan keperluan komunikasi yang meluas dapat meningkatkan lagi keyakinan kami menggunakan bahasa Inggeris di tempat awam," katanya.

Pegawai Penguasa Bahagian Pusat Pembangunan Profesional UMS Link, Mohd Hamdan Ruhimin ketika ditanya mengenai aktiviti berkenaan berkata pihaknya sedar aktiviti luar bilik kuliah sama penting dengan jadual akademik yang ditempuhi pelajar setiap hari.

"Dalam bilik kuliah, pelajar memerah minda untuk menguasai sesuatu kemahiran dan pengetahuan. Justeru, pelajar memerlukan aktiviti yang lebih santai dalam bentuk riadah bagi menyegarkan minda mereka," katanya sambil menambah, aktiviti

ROSELINA (tengah) bersama Rizal (dua kanan), Mohd Hamdan (dua kiri) dan sebahagian pelajar.

